

# Empat penyu sisik dilepas di Pulau Sipadan

BH 16/6/2011 19

**S**EMPORNA: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Institut Penyelidikan Marin Borneo (BMRI) melepaskan empat penyu sisik (*Eretmochelys Imbricata*) di Pulau Sipadan, dekat sini bagi tujuan mengenal pasti keutamaan pemakanan dan penyesuaian penyu di pulau itu dan Pulau Mabul.

Setiap penyu seberat 15 kilogram (kg) itu ditandai bagi memudahkan penyelidik mengkaji perkembangan lanjut biologi penyu sisik.

Projek itu dibiayai Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengikut Program Dana Sains bertujuan mengkaji biologi penyu di kedua-dua pulau itu, sekali gus memastikan maklumat yang diperolehi mampu dikongsi dengan masyarakat dalam usaha melindungi dan memulihara hidupan marin itu.

Penyu itu diambil dari Pulau Langkayan, dekat Sandakan sebelum dipelihara selama empat tahun dalam akuarium di UMS.

Pengarah BMRI, Prof Dr Ridzwan Abdul Rahman, berkata Pulau Sipadan dipilih sebagai lokasi pelepasan penyu kerana kaya dengan sumber makanan yang mampu menjamin perkembangan hidupan marin berkecukupan.

“Kumpulan penyelidik akan membuat pemerhatian ke atas penyu itu bagi mengetahui perkembangannya, sekali gus membolehkan lebih banyak langkah melindungi penyu dapat diambil,” katanya ketika ditemui pada program itu.


Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Taman-taman Sabah, Dr Joachim Gunsalam; Timbalan Naib Canselor UMS, Prof Dr Rosmah Ismail dan Pengarah Taman-taman Sabah, Paul Basintal.

Program itu turut dijayakan lebih 50 pemsyarah, penuntut dan kakitangan UMS.

Pulau Sipadan dengan keluasan 16.4 hektar dan daratan terumbu karang seluas 208 hektar di Laut Sulawesi diwartakan sebagai Taman Laut di bawah pentadbiran Taman-taman Sabah pada Oktober 2009 mengikut Enakmen Taman-taman 1994.

Sejak diwartakan, operasi pusat peranginan di pulau itu dihentikan manakala jumlah pelancong terpaksa dihadkan kepada hanya 120 sehari.

Ia bertujuan melindungi habitat marin, terutama penyu, pelbagai spesis ikan, batu karang, rumpai laut dan hidupan lain daripada sebarang ancaman kepupusan.



**PETUGAS** Taman-Taman Sabah menanda penyu sebelum dilepaskan ke Pulau Sipadan, dekat Semporna.